

NAMA :

TINGKATAN :

**PENDIDIKAN KESIHATAN :**

**UNIT 1 : 6.0 (PENYAKIT), 7.0 (KESELAMATAN)**

1. Tuliskan jawapan **BETUL** pada pernyataan yang benar dan **SALAH** pada pernyataan yang tidak benar berkaitan **HIV** dan **AIDS**.

|     | <b>Pernyataan berkaitan HIV/AIDS</b>                                                                            | <b>BETUL atau SALAH</b> |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| 1.  | HIV merupakan sejenis penyakit jangkitan virus.                                                                 |                         |
| 2.  | Jangkitan virus HIV merosakkan sistem pertahanan badan.                                                         |                         |
| 3.  | Seseorang boleh dijangkiti HIV melalui pemindahan darah yang tercemar dengan virus HIV.                         |                         |
| 4.  | HIV hanya boleh berjangkit dengan mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan sahaja.                           |                         |
| 5.  | Seseorang individu yang dijangkiti HIV akan terdedah kepada semua jenis kuman termasuk yang tidak membahayakan. |                         |
| 6.  | Setelah dijangkiti HIV, seseorang akan menunjukkan simptom atau gejala dalam masa 24jam.                        |                         |
| 7.  | Virus AIDS boleh berjangkit melalui sentuhan luaran dengan pesakit yang mengidap AIDS seperti sentuhan tangan.  |                         |
| 8.  | Seseorang itu boleh menjadi pembawa virus HIV bertahun-tahun sebelum mendapat AIDS.                             |                         |
| 9.  | Bayi dalam kandungan dan bayi yang menyusu boleh dijangkiti daripada ibu yang HIV positif.                      |                         |
| 10. | HIV dan AIDS mempunyai vaksin dan pesakit akan sembuh dalam masa rawatan tertentu.                              |                         |

2. Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul. (Rujuk buku teks muka surat 170-174).

- a) AIDS ialah penyakit yang akan \_\_\_\_\_ keupayaan semula jadi badan dalam melawan penyakit.
- b) HIV akan membunuh \_\_\_\_\_ Pembantu-T yang penting dalam sistem imunisasi tubuh manusia.
- c) Seseorang yang dijangkiti HIV ini tidak menunjukkan sebarang simptom atau \_\_\_\_\_ untuk bertahun-tahun.
- d) Antara punca seseorang itu boleh dijangkiti HIV ialah penggunaan peralatan pembedahan yang \_\_\_\_\_.
- e) Pada peringkat awal dijangkiti virus HIV, pesakit mungkin berasa seperti diserang \_\_\_\_\_.
- f) Proses \_\_\_\_\_ ialah proses perubahan daripada HIV negatif kepada HIV positif.
- g) Jangkitan \_\_\_\_\_ adalah peringkat yang mana pesakit menunjukkan simptom jangkitan seperti jangkitan radang paru-paru.
- h) Antara kaedah pencegahan jangkitan HIV dan AIDS ialah sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga apabila berhadapan dengan situasi yang melibatkan pemindahan darah dan \_\_\_\_\_.
- i) Beberapa contoh situasi yang mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan AIDS ialah seperti berkongsi peralatan \_\_\_\_\_ seperti berus gigi dan pisau cukur.
- j) Kesan jangkitan HIV dan AIDS kepada aspek mental dan emosi ialah \_\_\_\_\_ dan sekatan dalam pekerjaan bagi individu-individu ini.

### **TAJUK 7.0 : KESELAMATAN**

**Arahan : Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.**



1. Eksplotasi boleh didefinisikan sebagai perbuatan mengambil \_\_\_\_\_ untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan secara tidak adil.
2. Ibu bapa yang memaksa anak mereka berkahwin dengan individu-individu tertentu. \_\_\_\_\_.
3. Pihak-pihak tertentu menggunakan kanak-kanak untuk mempertahankan dan menyebarkan ideologi terpesong mereka. \_\_\_\_\_.
4. Seseorang yang menjadi keldai dadah, mengemis, penyeluk saku, meragut beg dan penjualan barang-barang tiruan. \_\_\_\_\_.
5. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dipaksa untuk bekerja. \_\_\_\_\_.
6. Penipuan, paksaan atau memujuk seseorang untuk terlibat dalam sesuatu perlakuan seksual. \_\_\_\_\_.
7. Orang dewasa yang mengambil kesempatan untuk memenuhi kehendak nafsu seksualnya ke atas individu-individu di bawah umur. \_\_\_\_\_.